Permasaalahannya ialah kajian mengenai sumbangan ulama masih berkurangan. Kenyataan pengkaji turut disokong oleh kajian Bariyah dan Ishak Saat yang menyatakan bahawa kajian terhadap sumbangan ulama sebagai pemimpin bawahan kurang diberi tumpuan.[19] Seterusnya, terdapat sebuah makalah yang bertajuk Tuan Guru Haji Abdul Latif bin Abdul Rahman: Intelektual Pembangunan Pendidikan Islam di Negeri Perak yang dikarang oleh Latifah Abdul Majid dan rakan-rakannya menyatakan dalam kesimpulannya bahawa ketokohan Tuan Guru Haji Abdul Latif Bin Abdul Rahman dalam pelbagai bidang menerusi sumbangan beliau kepada masyarakat dan dunia pendidikan.

[16] Bariyah Bt Basiran dan Ishak Saat (2015) *Ulama dan Politik Kedah 1842 – 1960* .Tanjong Malim.UPSI. Hal 25
[17] *Ibid*
[18] *Ibid*. Hal 14
[19] Bariyah Bt. Hj Basiran dan Ishak Saat (2015) *Ulama dan Politik Kedah 1842 – 1960* .Tanjong Malim.UPSI. Hal 21

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Beliau juga merupakan seorang tokoh ulama' yang banyak memberi sumbangan terhadap masyarakat. Sikap yang ditonjolkan melalui keperibadian yang berhemah dan baik pula menunjukkan kewibawaan beliau sebagai tokoh yang dihormati dan disegani oleh penduduk.

Permasalahannya ialah kajian yang dijalankan oleh Latifah Abdul Majid dan rakan-rakannya hanyalah berbentuk makalah sahaja dan perbahasannya masih boleh diperluaskan lagi. Contohnya berkaitan pemikiran beliau dalam fatwa. Kajian Latifah Abdul Majid sedikit pun tidak menyentuh perkara berkenaan.

Selain dari itu, melalui pembinaan Madrasah al-Latifiah atau lebih dikenali dengan pondok Pak Teh memperlihatkan sumbangan Tuan Guru Haji Abdul Latif dalam pendidikan Islam di Pengkalan Hulu Perak. Kerana bagi mendapatkan pendidikan formal, terutama dalam pendidikan Islam bagi masyarakat Islam Pengkalan Hulu adalah rendah. Sebelum tahun 1970 hanya terdapat dua buah sekolah sahaja iaitu Sekolah Kebangsaan Kroh (SKK) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tun Saban. Tidak terdapat pusat pendidikan Islam secara formal di Pengkalan Hulu.[20] Masalahnya ialah kesan kurang mendapat pendidikan agama menyebabkan pengangan Islam yang sebenar tidak kukuh kerana masih terdapat amalan kurafat dan kepercayaan karut diamalkan oleh masyarakat di Pengkalan Hulu.[21]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

---

[20] Muhammad Hafizi Abu Hassan (2013 ) Sejarah Pengkalan Hulu : *Satu kajian tentang masalah sosial dalam kalangan masyarakat melayu muslim*. 1970 – 1990-an. Hal 43
[21] *Ibid.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Bertitik tolak daripada perbincangan di atas, ianya telah mendorong pengkaji untuk mengetahui sejauh manakalah sumbangan beliau dalam masyarakat Pengkalan Hulu.

Tumpuan utama dalam kajian ini akan diberikan terhadap sumbangan Tuan Guru Haji Abdul Latif dalam pendidikan Islam dan dakwahnya pada masyarakat Pengkalan Hulu.

## 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Mengenalpasti latar belakang Tuan Guru Haji Abdul Latif pengasas pondok di Daerah Pengkalan Hulu
2. Mengenalpasti pemikiran Tuan Guru Haji Abdul Latif terhadap fatwa kerajaan negeri Perak
3. Menganalisis sumbangan Tuan Guru Haji Abdul Latif sumbangannya pada masyarakat Pengkalan Hulu.

## 1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah latar belakang Tuan Guru Haji Abdul Latif semasa hidupnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


2. Bagaimanakalah pemikiran Tuan Guru Haji Abdul Latif terhadap fatwa kerajaan Negeri Perak.
3. Sejauhmanakalah sumbangan Tuan Guru Haji Abdul Latif pada masyarakat Pengkalan Hulu.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Pengetahuan tentang ketokohan dan sumbangannya yang besar dalam pendidikan Islam dan dakwahnya di Pengkalan Hulu dapat memberikan dan membuka minda generasi kini agar menghargai tokoh-tokoh ulama silam yang telah berjasa besar kepada masyarakat. Selain dari memenuhi keperluan akademik, kepentingan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenengahkan kepada masyarakat latar belakang Tuan Guru Haji Abdul Latif sebagai seorang intelektual Islam yang amat berjasa kepada penduduk Pengkalan Hulu Perak.
2. Mengenenagahkan pandangan Tuan Guru Haji Abdul Latif dalam fatwa.
3. Menyoroti sumbangan Tuan Guru Haji Abdul Latif kepada masyarakat Pengkalan Hulu terutama pada perkara yang berkaitan dengan pendidikan Islam dan dakwah.

Kajian ini diharap dapat menjelaskan kepada masyarakat sumbangan golongan ulama kepada mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.7 Kajian Terdahulu

Terdapat beberapa kajian telah pun dijalankan mengenai peranan dan sumbangan yang di mainkan oleh ulama silam dalam mandaulatkan agama Islam di negara ini.

Hasil daripada pencarian kajian lepas, pengkaji mendapati kebanyakannya kajian yang telah dilakukan lebih menumpukan kepada negeri di Pantai Timur seperti Kelantan dan Terengganu dan terlalu sikit sedikit kajian terhadap peranan dan sumbangan ulama di negeri Perak.

Antara kajian lampau yang telah diteliti oleh pengkaji seperti kajian ulama golongan syed di Terengganu. Kajian ini membincangkan mengenai penyebaran Islam secara berterusan di seluruh pelosok dunia oleh ulama berketurunan Syed Alwiyyah yang berlandaskan kepada tiga sumber kekuatan iaitu pertama, Islam mempunyai kitab al-Quran sebagai perlembagaan umat Islam dulu kini dan selamanya.[22]

Kedua kekuatan sanad yang tidak boleh dipisahkan kerana Islam adalah ajaran yang disampaikan berdasarkan kepada kekuatan sanand yang tidak terputus. Ketiga kekuatan ahlul bait berketurunan Rasulullah SAW tersebar ke seluruh dunia.

---

[22] Aladin Mamat (2013). *Ulama golongan Syed di Terengganu : peranan dan sumbangan dalam perkembangan Islam*. UM Kuala Lumpur. Hal 336

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kajian ini juga turut membicarakan mengenai kedatangan ulama golongan Syed Alawiyyah ke Nusantara khususnya ke Tanah Melayu telah membawa suatu perubahan besar kepada masyarakat setempat.[23]

Keberkatan dan kesungguhan usaha dakwah mereka, menyebabkan Islam dijadikan agama rasmi oleh semua kerajaan yang ada di Nusantara seperti Kerajaan Melaka, Kerajaan Demak, Kerajaan samudera Pasai, Kerajaan Johor, Kerajaan Terengganu dan sebagainya[24].

Terdapat persamaan antara kajian tersebut dengan kajian penyelidik dari aspek kajian sejarah kedatangan Islam sehingga tertubuhnya sekolah pondok, namun kajian penyelidik lebih menumpukan kepada sumbangan Tuan Guru Haji Abdul Latif pada masyarakat Pengkalan Hulu Perak.

Kajian yang dijalankan oleh Wan Zulkifli Wan Hassan & Azizi Umar bertajuk sumbangan ulama Nusantara di Terengganu dalam mengembangkan mazahab Shafi`e. Kajian ini menumpukan kepada sumbangan ulama Nusantara yang bermazhab Shafi`e dalam mengembangkan Islam dan pengamalan Mazhab di negeri Terengganu.[25] Perbezaannya ialah kajian ini akan mengkhususkan penumpuan kepada Tuan Guru Haji Abdul Latif sebagai salah seorang ulama yang bermazhab Syafi`e di negeri Perak.

---

[23] *Ibid*
[24] *Ibid.*
[25]Wan Zulkifli Wan Hassan & Azizi Umar (2011), Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: *Ulama Pemacu Transformasi Negara.* Hal 456

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Raihaniah Zakaria dalam kajian sarjana beliau yang bertajuk Tuan Guru Haji Zakaria bin Ismail : Sumbangannya dalam bidang pendidikan dan politak Islam di negeri Kelantan.[26] Kajian ini menyentuh dengan terperinci mengenai sumbangan yang dimainkan oleh Tuan Guru Haji Zakaria bin Ismail dalam bidang pendidikan dan politik Islam di negeri Kelantan. Perbezaannya ialah kajian ini akan menumpukan kepada sumbangan Tuan Guru Haji Abdul Latif Latif pada masyarakat Pengkalan Hulu Perak dan tidak tertumpu kepada politik di negeri Perak.

Nornajwa Ghazali dalam kajian sarjananya yang bertajuk sumbangan Syeikh Abu Bakar Ash`ari dalam bidang tafsir : kajian terhadap intisari tafsir juzuk `amma. Kajian ini menyatakan bahawa Syeikh Abu Bakar adalah salah seorang tokoh *mufassir*di Tanah Melayu serta mempunyai daya intelektual yang tinggi apabila berjaya menghasilkan Intsari Tafsir Juzuk Amma. Perbezaannya ialah kajian ini memfokuskan kepada sumbangan Tuan Guru Haji Abdul Latif pada masyarakat Pengkalan Hulu Perak dan beliau tidak meninggalakan sebarang karya. Faisal Ahmad Shah dalam makalah yang bertajuk Sumbangan Syeikh Mohamed Idris al-Marbawi Dalam Penentuan Identiti Perawi: Tumpuan Kepada Kitab Bahr al-Madhi. Makalah ni menumpukan kepada kesungguhan dan pengorbanan beliau menghasilkan tiga buah kitab hadis dalam tulisan jawi iaitu Bahr al-Madhi, Bulughal-Maram dan Kitab Idangan Guru Sahih Bukhari dan Muslim.[27]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

---

[26]Raihaniah Zakaria (2007) *Tuan Guru Haji Zakaria bin Ismail*. Disertasi Sarjana. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam bahagian pengajian ulsuluddin.Akademi pengajian Islam.Universiti Malaysia. Kuala Lumpur.

[27]Faisal Ahmad Shah (tt) *Sumbangan Syeikh Mohamed Idris al-Marbawi Dalam Penentuan Identiti Perawi:* Tumpuan Kepada Kitab Bahr al-Madhi. Hal 11

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Walaupun Syeikh Mohamed Idris al-Marbawi merupakan seorang ulama negeri Perak namun perbezaan kajian tersebut dengan kajian ini ialah memfokuskan kepada sumbangan Tuan Guru Haji Abdul Latif pada masyarakat Pengkalan Hulu Perak.

Sepanjang pencarian bahan, pengkaji menemui satu makalah yang bertajuk Tuan Guru Haji Abdul Latif bin Abdul Rahman: Intelektual Pembangunan Pendidikan Islam di Negeri Perak. Kajian ini menumpukan kepada ketokohan Tuan Guru dalam pelbagai disiplin ilmu serta sumbangan yang dicurahkan kepada masyaraka.

Terdapat persamaan antara kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji. Namun kajian ini hanyalah berbentuk makalah dan skop perbahasannya boleh di perluaskan lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.8 Skop Kajian

Kajian ini adalah satu penyelidikan bagi melihat sumbangan yang dimainkan oleh Tuan Guru Haji Abdul Latif dalam membangunkan institut pengajian pondok di Pengkalan Hulu. Kajian ini akan memfokuskan kepada pemikiran dan sumbangan beliau kepada masyarakat Pengkalan Hulu Perak sehingga kembali ke pangkuan Ilahi. Sejarah atau riwayat hidupnya juga akan diberi perhatian kerana dianggap signifikan bagi latar belakan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Tempoh 47 tahun merupakan ruang masa yang lama dan menarik untuk dikaji, terutama sejauhmanakalah kecekalan Tuan Guru Haji Abdul Latif dalam memberi pendidikan kepada masyarakat dan pelajarnya.

Bagi mendapatkan maklumat mengenai tokoh, kajian lapangan di Pengkalan Hulu dan pondok Pak Teh dipilih sebagai skop kajian. Hal ini bagi mengetahui sumbagan beliau kepada masyarakat setempat dan dalam melahirkan generasi ulama di negeri Perak.

## 1.9 Metodologi Penyelidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peranan metodologi dalam penyelidikan ilmiah merupakan suatu perkara penting dan teknik dalam mendapatkan data dan fakta yang berkaitan secara sistematik.[28] Metodologi boleh diertikan sebagai ilmu atau cara mengadakan satu penelitian.[29] Menurut Koentjaraningrat (1986) metod merupakan cara bekerja dalam memahami objek yang menjadi penelitian.[30]

[28] Imam Barnad (1975) *Arti dan Metod sejarah pendidikan*. Yogyakarta Yayasan Penerbitan FIKP-IKIP, hal 51.
[29] Imam Barnad (1975)*Op.cit*
[30] Koentjaraningrat (1986) *metod-metod penelitian masyarakat*. Jakarta, Penerbit Pt Gramedia, Hal 7

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.9.1 Metod Pengumpulan Data

Dalam menyelesaikan dan menyempurnakan kajian kini pengkaji menggunakan metod yang sesuai berpandukan teori penyelidikan. Bagi mendapatkan fakta berkaitan kajian, dua metod digunakan iaitu metod perpustakaan dan metod temubual.

#### (a) Perpustakaan (*Library Research*)

Penyelidikan dalam kajian ini adalah berdasarkan kajian perpustakaan.

Pengkaji menggunakan metode ini bagi mendapatkan bahan dari buku-buku yang bersangkutan dengan kajian terutama yang bersangkutan dengan sejarah pendidikan Islam di negeri Perak dan sejarah hidup tokoh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi tujuan yang dinyatakan di atas pengkaji mengunjungi beberapa buah perpustakaan antaranya ialah Perpustakaan Desa Tapah Road Perak, Perpustakaan Universiti Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim, Perpustakaan Awan negeri Perak (Ipoh).

Pengkaji turut mengunjungi Perpustakaan Kementerian Pendidikan Putra Jaya, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**(b) Temu Bual**

Temubual merupakan satu komunikasi yang berlaku dimana penemubual mengemukakan soalan dengan tujuan memperolehi maklumat yang dikehendaki daripada responden.[31] Metode temu bual digunakan dalam kajian ini bertujuan bagi menapatkan maklumat atau keterangan serta pendirian secara lisan dari seorang responden terhadap kajian yang ingin dikaji oleh pengkaji.

Responden yang dipilih terdiri daripada empat katagori. Pertama membabitkan warisnya iaitu Ishak Syirazi bin Abdul Latif (anak), Zakaria Ansori bin Abdul Latif (anak) dan Subhiyyah bt Abdul Latif (anak). Pengkaji juga akan menemubual adik perempuan beliau yang bernama Rahimah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Katagori Kedua pula terdiri dari rakan atau tenaga pengajar di Pondok Pak Teh iaitu Sohibus Samahah Mufti Kerajaan negeri Perak Ustaz Harussani bin Zakaria Sohibus Samahah Timbalan Mufti Kerajaan negeri Perak Ustaz Zambri bin Hashim , Ustaz Mad Dali bin Razali (ahli Majlis Fatwa negeri Perak), Ustaz Othman ( tenaga pengajar ).

Katagori ketiga pula merupakan anak muridnya iaitu Ustaz Mohd Zairil (pendakwah bebas di kawasan Tapah), Ustaz Fauzi (ketua *mutalaah*) Ustaz Fahmi (pengetua Maahad Tahfiz Air Jernih Gerik Perak) dan Ustaz Fakhri (pengetua Maahad Tahfiz Ad-Din Pengkalan Hulu).

---

[31]Syed Arabi Idid, Dr (1992), *Kaedah Penyelididkan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur : DBP, Hal 69.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Manakala katagori keempat pula ialah beberapa orang ahli Qariah masjid dalam dearah Pengkalan Hulu. Pengkaji memilih mereka sebagai responden kajian adalah kerana, mereka amat rapat dengan tokoh yang dikaji. Sudah tentu setiap persoalan yang diajukan dapat dijawab dengan baik dan tepat.

### 1.9.2 Metod Analisis Data

Metode analisis data merupakan satu penganalisian terhadap fakta-fakta yang diperolehi serta dikumpulkan oleh pengkaji. Analisis yang dilakukan ialah dengan cara membuat perbandingan antara data melalui kaedah pengumpulan data. Metod yang dipilih pengkaji adalah metod induktif dan metod deduktif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

#### (a) Metod Induktif

Metod bermaksud pola pemikiran yang menjurus kepada pencarian pembuktian perkara-perkara yang bersifat khusus kepada dalil yang bersifat umum.[32] Perkataan induktif diambil dari bahasa Latin, *Inducere*yang beerti “ membawa atau menuju kearah”. Manakala pemikiran induktif pula ialah menjadikan sesuatu pernyataan yang bersifat khusus kepada pernyataan yang bersifat umum.[33]

---

[32]Imam Barnadib (1975) *Arti dan Metod sejarah pendidikan*. Yogyakarta Yayasan Penerbitan FIKP-IKIP, hal 52 -53.

[33]Mohd Michael Abdullah (1995) , *Pemikiran kritis*. Kuala Lumpur : DBP Kementerian Pendidikan Malaysia, Hal 103

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Oleh yang demikian pengkaji menggunakan metod ini dalam membuat kesimpulan bahawa sumbangan Tuan Guru Haji Abdul Latif berlaku sehingga berjaya menjadikan masyarakat Pengkalan Hulu sebuah masyarakat yang mencintai ilmu agama dan berjaya melahirkan ramai cendiakawan Islam.

**(b) Metod Deduktif**

Metod Deduktif bermakna cara menganalisa dan menyediakan hasil penulisan yang berpandukan kepada pola berfikir serta mencari pembuktian dangan berpegang kepada dalil-dalil umum terhadap perkara-perkara yang khusus.[34]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji membuat penganalisian berdasarkan kepada sumber primer dan sumber sekunder yang diperolehi. Kedua-dua sumber ini bertujuan bagi mendapatkan gambaran sumbangan Tuan Guru Haji Abdul Latif pada masyarakat Pengkalan Hulu Perak.

### 1.9.3 Data Primer

Menurut Sugiyono, sumber primer ini berupa catatan hasil temu bual yang diperoleh melalui temu bual yang dijalankan oleh sesorang pengkaji. Manakala dalam kajian ini data primer diperolehi daripada kajian lapangan dan temu bual. Hal ini bagi bertujuan untuk menganalisis sempel kajian tersebut.[35]

---

[34] *Op.cit*, Hal 52
[35] Sugiyono. (2012) *Metode Penelitian Kuantitatif Kualitatif dan R&B*. Bandung: Alfabeta. Hal 225

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.9.4 Data Sekunder

Data sekunder adalah data yang tidak memberikan informasi secara langsung kepada pengumpul data. Data sekunder ini merupakan hasil pengolahan lebih lanjut dari data primer yang disajikan dalam bentuk lain atau dari orang lain.[36] Data ini bertujuan untuk menyokong infomasi dari data primer yang diperoleh dari temu bual, maupun dari observasi terus ke lapangan. Pengkaji menggunakan data sekunder hasil dari kajian perpustakaan.

## 1.10 Sistematika Penulisan

Pada bahagian ini pengkaji akan membahagikan disertasi kepada lima bab.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**Bab Pertama**

Dalam bab ini pengkaji akan membahaskan perkara yang menyentuh latar belakang, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, metodologi penyelidikan, metod analisis data dan sistematika penulisan.

[36] *Ibid*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**Bab Kedua**

Pada bab ini pengkaji akan memfokuskan perbincangan terhadap latar belakang Tuan Guru Haji Abdul Latif.

**Bab Ketiga**

Bab ketiga kajian ini akan menumpukan kepada pemikiran Tuan Guru Haji Abdul Latif dalam fatwa kerajaan Negeri Perak.

**Bab Keempat**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam bab keempat ini pengkaji akan menganalisis sumbangan Tuan Guru Haji Abdul Latif kepada masyarakat Pengkalan Hulu.

**Bab Kelima**

Bab kelima ini merupakan bab penutup atau kesimpulan. Dalam bab ini pengkaji akan membuat kesimpulan serta saranan bagi pihak berwajib bagi memartabatkan pendidikan terutamanya di negeri Perak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.11 Kesimpulan

Ulama adalah seorang yang ahli (pakar) dalam pengetahuan agama Islam.[37] Ulama juga dikenali dengan panggilan Intelek Islam, Mereka merupakan insan yang memiliki keilmuan akhirat yang mantap serta diwarisi turun temurun serta mempunyai ketinggian ilmu dan beramal dengan ilmu yang dimiliki.

Malahan mereka juga mempunyai personaliti baik sewaktu berinteraksi dengan masyarakat. Kerana itulah mereka sepatutnya memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan sesebuah masyarakat.[38] Usaha murni ulama dalam menyebarkan agama Islam kepada kumpulan sasaran berpandukan dakwah Rasulullah S.A.W merupakan satu tuntutan yang mesti dilaksanakan dalam Islam.[39]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Matlamat penyebaran dakwah boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian, antaranya ialah mengajak menusia bertakwa dan menjauhkan kemaksiatan, meninggikan syiar Islam, menghapuskan kesyirikan, membimbing golongan jahil dan memberi peringatan. Secara umumnya matlamat penyebaran dakwah saling berkait rapat antara satu sama lain. Sekiranya salah satu matlamat itu tidak dipedulikan maka akan berlaku ketidak sempurnaan dalam usaha dakwah.[40]

---

[37]Noresah bt. Baharom et al. (2015), *Kamus Dewan* Edisi ketiga. Kuala Lumpur.DBP. Hal 1511
[38]Mohd Solleh Abdul Razak (2011) *Wasiat sebelum dirimu bergelar ulama*. Kuala Lumpur. Telaga Biru. Hal XV
[39]Abdul Munir Ismail (2014) *Dakwah satu tuntutan dalam Islam*. Tanjong Malim. UPSi.Hal 1.
[40] Op.cit Hal 7

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kedatangan Islam ke Nusantara juga berkait rapat dengan aktiviti dakwah oleh pedagang Arab dan Farsi yang datang berniaga di rantau ini. Kedatangan pedagang-pedagang dari Asia Barat ini adalah bertujuan untuk mendapatkan bekalan seperti kapur barus, rempah ratus dan sebagainya untuk dipasarkan di Asia Barat.[41] Dengan usaha dakwah yang dilakukan maka bermulalah pendidikan Islam di rantau ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

[41]Mohd Yusof Ahmad (2015*) Institut pendidikan al-Quran di Malaysia*.Kuala Lumpur DBP. Hal 41

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi